

**Gagal selesai isu dasar parti, Pas akan kalah teruk**  
**Utusan Online**  
**04 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 3 Mac. – Bekas Pesuruhjaya Pas Selangor, Datuk Dr. Hasan Ali meramalkan Pas akan mengalami kekalahan teruk ekoran timbulnya beberapa isu yang menyentuh dasar parti tersebut yang sehingga kini gagal diselesaikan.

Beliau berkata, terdapat tiga isu yang menjadi duri kepada Pas ketika ini iaitu kegagalan parti bertegas dalam isu Palestin, isu berkaitan penyebaran agama Kristian kepada orang Islam dan terbaru kesediaan parti menerima orang bukan Islam menjadi pemimpin kanan sehingga ke peringkat Timbalan Presiden.

Selain itu ujaranya, isu pemecatannya daripada parti tanpa mengikut prosedur yang sah juga masih relevan.

“Ini semua hasil kejayaan parasit-parasit yang ada dalam Pas. Sehingga sekarang meskipun ia melibatkan isu-isu yang cukup besar, pemimpin Pas tidak boleh berkata-kata, Pemuda dan Muslimat tidak boleh ambil tindakan kerana pemikiran mereka telah dikepung oleh parasit-parasit ini.

“Oleh itu jika isu-isu ini tidak dapat diselesaikan ia akan menjadi isu-isu yang menyumbang kepada kekalahan teruk kepada Pas,” katanya pada sidang akhbar di kediamannya dekat sini, hari ini.

Justeru kata Hasan, Pas mahu tidak mahu perlu mengkaji semula kedudukan mereka dalam pakatan kerana jelas ia tidak menguntungkan parti berkenaan.

“Saya harap ahli-ahli Pas yang berjumlah sejuta orang ini bangkit dan nyatakan pendirian mereka. Apa yang mereka mahukan daripada isu Palestin, apa tindakan terhadap Israel dan apa yang perlu mereka lakukan untuk nyahkan (singkirkan) kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim,” ujaranya.

Sementara itu di Pendang, Kedah malam tadi, Hasan berkata, Pas sedang dilanda tragedi ekoran pelbagai masalah yang dihadapi termasuk timbul cadangan membolehkan orang bukan Islam menjadi pemimpin kanan iaitu sehingga ke Timbalan Presiden.

Berucap di hadapan lebih 6,000 hadirin pada ceramah Selamatkan Akidah Umat Islam di Kampung Padang Pusing dekat sini, beliau berkata, perkara tersebut mengundang implikasi buruk terhadap parti dan ahlinya.

“Jelas sekali kenyataan tersebut dibuat untuk memenangkan hati DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) hingga Pas sanggup melakukan apa sahaja.

“Apa yang menghairankan saya adalah ke mana perginya ahli-ahli Pas, di mana pendirian mereka dalam perkara ini? Sepatutnya saya sudah melihat orang-orang Pas bangun membantah,” katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0304&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_03.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0304&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_03.htm)